

Mahasiswa wajar nilai, kaji kesahihan sesuatu maklumat

UM 21.1.2015 27

KOTA KINABALU 20 Jan. - Golongan mahasiswa perlu bijak menilai dan mengkaji kesahihan sesuatu maklumat agar tidak mudah terpengaruh dengan maklumat-maklumat salah.

Menurut Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Nurlina Arappe, penyebaran maklumat tidak tepat itu akan mencetuskan ketegangan antara pihak tertentu.


"Mahasiswa perlu mengambil iktibar berhubung penyebaran maklumat palsu tentang bencana banjir di Semenanjung hingga mengakibatkan suasana salah faham antara pihak berkuasa, mangsa banjir dan masyarakat.

"Oleh yang demikian, para maha-

siswa diingatkan tidak mudah percaya dengan penyebaran sebarang maklumat sekali gus menyebarkan maklumat berkenaan sebaliknya perlu mengkaji kesahihan perkara itu," katanya ketika diminta mengulas tentang isu penyebaran maklumat palsu di aplikasi WhatsApp serta laman sosial.

Tambah Nurlina, tindakan segelintir pihak termisuk mahasiswa yang tidak bertanggungjawab menyebarkan maklumat palsu bakal berdepan tindakan undang-undang.

Sehubungan itu, beliau mengajak para mahasiswa UMS supaya tidak terjebak dalam penyebaran penyebaran berita palsu dan cuba mengambil kesempatan di atas krisis bencana yang melanda.



NURLINA ARAPPE